



**Kenyataan Media 2.0 dari Dato' Sri Mustapa Mohamed berkenaan
Laporan World Competitiveness Yearbook 2014**

“ Malaysia Berada di Landasan Yang Tepat “

**Laporan *World Competitiveness Yearbook (WCY)* diterbitkan oleh
*World Competitiveness Center (WCC) of the Institute for
Management Development (IMD)* yang bertempat di Lausanne,
Switzerland meletakkan Malaysia di kedudukan ke-12 di kalangan
60 ekonomi.**

- 1) Kejayaan menduduki tempat ke 12 bukan dapat dicapai dengan mudah. Ini ialah hasil kerjasama semua pihak yang terlibat iaitu kerajaan dalam merealisasikan program transformasi negara. Peningkatan ini membuktikan kejayaan usaha transformasi kerajaan di bawah Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Razak walaupun mendepani senario dalam dan luar negara yang mencabar.
- 2) Laporan ini terbahagi kepada 4 faktor: Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur.
- 3) Dalam sub-faktor Ekonomi Domestik di bawah Faktor Prestasi Ekonomi bagi indikator “Daya Tahan Ekonomi kepada Kitaran adalah kukuh”, Malaysia berada di kedudukan ke-2 di kalangan 60 negara yang dinilai. **Pencapaian ini menggambarkan ketahanan ekonomi Malaysia dalam mengharungi cabaran global.** Peningkatan kepercayaan pelabur kepada kerajaan Malaysia juga adalah membanggakan . Peningkatan kemasukan pelaburan asing menyaksikan Malaysia naik 10 anak tangga ke tempat ke-11 dari kedudukan ke-21 tahun lepas. Pencapaian ini adalah lebih bermakna ketika dunia berdepan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

Indikator yang Berada di Kedudukan 10 Teratas dan Meningkat Dengan Ketara: Prestasi Ekonomi

INDIKATOR	WCY		PERUBAHAN
	2014 (n=60)	2013 (n=60)	
· Daya tahan ekonomi kepada kitaran adalah kukuh	2	8	+6
· Aliran Pelaburan langsung masuk (% daripada KDNK)	11	21	+10

- 4) Kerajaan menyedari cabaran yang dihadapi rakyat ekoran rasionalisasi subsidi dan langkah-langkah yang dihadapi bagi menangani defisit fiskal. Namun, laporan IMD menunjukkan berbanding 60 negara lain, Malaysia naik 6 anak tangga dalam Indeks Kos Sara Hidup (ke-16). Ini menunjukkan **usaha-usaha kerajaan menangani isu kenaikan harga**. Harga bahan api (gasolin-RON 95) pula kekal di tangga ke-4 antara 60 negara lain iaitu ke-4 termurah berbanding negara-negara lain. Kadar sewa rumah dan pejabat masih di tahap yang kompetitif. Ini bermaksud bahawa Malaysia antara 3 negara yang kompetitif dalam perkara ini berbanding negara-negara lain di dunia yang turut mengalami masalah peningkatan kos sara hidup.

Indikator yang Meningkat Dengan Ketara: Prestasi Ekonomi

INDIKATOR	WCY		PERUBAHAN
	2014 (n=60)	2013 (n=60)	
· Indeks kos sara hidup	16	22	+6
· Harga Petrol	4	4	-

- 5) Dalam faktor Kecekapan Kerajaan, sungguhpun Malaysia mengekalkan kedudukan keseluruhan di tangga ke-15. Bagi indikator **“pembiayaan pencen telah ditangani secara mencukupi untuk masa hadapan”**, Malaysia berada di kedudukan pertama, jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam **memastikan kebajikan rakyat dalam pengurusan harta atau pusaka, pelan persaraan dan insurans terjaga**. Malaysia juga menunjukkan peningkatan mendadak (30 anak tangga) dalam “kestabilan kadar pertukaran mata wang asing” (tangga ke-6 berbanding di kedudukan ke- 36 pada tahun lepas) dan ini adalah kejayaan yang membanggakan.

Kecekapan Kerajaan

INDIKATOR	WCY		PERUBAHAN
	2014 (n=60)	2013 (n=60)	
· <i>Pembiayaan pencen ditangani secukupnya untuk masa hadapan</i>	1	3	+2
· Kestabilan kadar pertukaran asing	6	36	+30

- 6) Malaysia juga menduduki tangga pertama dalam indikator pelaburan dalam sektor telekomunikasi. Ini menunjukkan negara kekal kompetitif dalam menyediakan infrastruktur telekomunikasi untuk rakyat.

Indikator yang Meningkat: Infrastruktur

INDIKATOR	WCY		PERUBAHAN
	2014 (n=60)	2013 (n=60)	
· Pelaburan dalam telekomunikasi (% KDNK)	1	3	+2

- 7) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di bawah MITI dipertanggungjawabkan bagi menyelaras usaha pengumpulan dan pengesahan data untuk *World Competitiveness Center (WCC) of the Institute for Management Development (IMD)*, Lausanne, Switzerland. Antara ahli-ahli *Inter-Agency Planning Group (IAPG)* yang menyumbang kepada data yang dikumpulkan ialah Bank Negara, Jabatan Statistik Malaysia, Kementerian Kewangan, Bursa Malaysia, EPF dan lain-lain. **Kaedah pengumpulan maklumat melalui data kualitatif dan kuantitatif adalah mantap dan kedudukan Malaysia berbanding negara-negara lain mencerminkan kejayaan usaha kerajaan dan sektor swasta untuk membina ekonomi yang lebih kompetitif. Persepsi antarabangsa mengenai kemampuan Malaysia menguruskan ekonomi dan Kewangan adalah lebih baik dan ini akan membantu membawa transformasi bagi mencapai taraf sebuah negara maju menjelang 2020.**

Dato' Sri Mustapa Mohamed

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri